

## **Guna tukang urut pondan**

BANTING - Sebuah pusat refleksologi di sini, bukan sahaja menawarkan wanita warga asing sebagai tukang urut malah turut dikesan mengajukan pondan untuk urutan 'tambahan'.

Itu kegiatan yang berjaya dibongkar sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor menerusi Ops Noda kelmarin.

Pegawai Turus D7 Selangor, Deputi Superintenden Azmi Syukor berkata, Ops Noda bermula jam 4.15 petang itu dilakukan di dua buah premis dan berjaya menahan seramai 11 wanita warga asing serta seorang pondan berusia lingkungan 20 hingga 30-an disyaki bekerja sebagai tukang urut.

Menurutnya, semakan mendapati seorang wanita tersebut adalah warga China, manakala selebihnya



Antara yang ditahan dalam Ops Noda kelmarin.

membabitkan warga Thailand.

"Dalam serbuan pertama, polis menahan lima wanita manakala serbuan di premis kedua membawa tangkapan enam wanita serta seorang pondan.

"Serbuan ini masing-masing membawa tangkapan seorang penjaga selain rampasan pelbagai barang seperti tuala, minyak urut, jadual kerja serta tisu," katanya kepada

*Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, siasatan mendapati premis itu dipercayai telah beroperasi sejak setahun lalu.

"Dipercayai khidmat 'urutan' yang ditawarkan premis berharga RM80 sehingga RM150 bergantung kepada pakej yang diberikan.

Kesemua yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat untuk siasatan lanjut.